

**NO SOALAN :63**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI  
(KUALA KRAI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 13.03.2018**

**Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [ KUALA KRAI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasionalnya meletakkan harga pasaran kepada Bank Negara dalam pemerolehan/ pembelian tanah Kerajaan oleh Bank Negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Apabila Kerajaan bercadang untuk menjual harta tanah tersebut, terdapat beberapa pihak yang menyatakan hasrat untuk membelinya termasuklah Bank Negara Malaysia (BNM). Bagi menunjukkan ketelusan Kerajaan dalam urus niaga ini, tiada sebarang layanan istimewa diberikan kepada mana-mana bakal pembeli. BNM telah

menghubungi Kerajaan beberapa kali bagi menyatakan hasratnya untuk memperoleh harta tanah tersebut selaras dengan pelan pembangunan jangka panjangnya.

Berdasarkan cadangan untuk membangunkan kawasan tersebut sebagai hab pendidikan kewangan, Kerajaan telah memutuskan supaya tanah tersebut dijual kepada BNM. Kedua-dua pihak bersetuju untuk memuktamadkan jual beli harta tanah tersebut pada harga semasa selaras dengan norma dan amalan terbaik pasaran.